

07 SEP 1999

Mahathir-Anyaoku

PEMIMPIN KOMANWEL BERMINAT MENDENGAR PENGALAMAN MALAYSIA

PUTRAJAYA, 7 Sept (Bernama) -- Para pemimpin negara-negara Komanwel begitu berminat untuk mendengar daripada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai cerita kejayaan Malaysia dalam menguruskan krisis kewangan pada perjumpaan mereka di Afrika Selatan November ini.

Setiausaha agung Komanwel Chief Emeka Anyaoku berkata mereka mengiktiraf strategi Malaysia terutama kawalan modal dan langkah-langkah pemulihan ekonomi lain yang telah membuahkan hasil positif.

"Saya pasti ramai rakan sejawatannya yang mahu mendengar daripada beliau mengenai pengalaman Malaysia dari segi reaksi Malaysia terhadap krisis itu yang telah pun menghasilkan kejayaan besar," katanya kepada pemberita selepas mengunjungi Dr Mahathir di pejabatnya di sini.

Anyaoku berkata Dr Mahathir telah bersetuju untuk menghadiri mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (Chogm) di Durban dari 12 hingga 15 Nov dan untuk berucap pada satu forum perniagaan yang dijangka dihadiri para pemimpin terkemuka sektor swasta negara-negara anggota.

Forum itu diadakan di saat menjelang mesyuarat para pemimpin berkenaan.

Beliau berkata agenda Chogm akan tertumpu kepada globalisasi yang meliputi pelbagai isu seperti perdagangan dan kewangan.

Ditanya sama ada ketua-ketua kerajaan akan memberi respons terhadap perjuangan Malaysia untuk mengawal perdagangan matawang, Anyaoku berkata "Ini merupakan perkara yang akan dibincangkan .

"Globalisasi melibatkan liberalisasi perdagangan dan perkhidmatan dan saya berpendapat adalah jelas ia (kawalan perdagangan matawang) akan diterima kerana pada masa ini terdapat pengawalan bagi perdagangan dan perkhidmatan tetapi tidak dalam perdagangan matawang dan pergerakan modal.

"Saya pasti pengalaman Malaysia menarik minat ketua-ketua kerajaan dan semua ini akan dibincangkan," katanya.

Anyaoku juga berkata beliau memberi penerangan kepada Dr Mahathir mengenai persiapan bagi mesyuarat itu. Chogm yang lepas diadakan di Edinburgh, Scotland pada Oktober 1997.

Anyaoku kemudian berlepas ke Singapura untuk lawatan dua hari.

Menurut satu kenyataan Kementerian Luar Singapura Anyaoku akan mengunjungi Presiden S.R. Nathan dan Perdana Menteri Goh Chok Tong.

Lawatan itu ialah sebahagian daripada proses rundingannya dengan para pemimpin Komanwel bagi Chogm.

-- BERNAMA

TCL RON